

Geely mampu lonjak kedudukan Proton

PENJUALAN 49.9 peratus ekuiti Proton Holdings Berhad Geely Holding dilihat sebagai langkah yang positif malah mampu melonjakkan kedudukan syarikat automotif tempatan itu ke tahap tertinggi.

Penganalisis Ekonomi Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, kemampuan itu terbukti kerana Geely Holding berpengalaman membantu syarikat bermasalah seperti Volvo.

"Geely Holding merupakan syarikat kereta yang sedang pesat berkembang di China dan penjualannya tahun lalu melebihi 50 peratus iaitu sejumlah 765,851 unit.

"Selain itu kepakaran teknologi Volvo yang dimiliki Geely juga mampu menambah baik teknologi pembuatan model-model baharu Proton," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Kata beliau, sekiranya Geely Holding mampu memanfaatkan kapasiti pengeluaran di kilang Proton dengan menghasilkan kereta keluarannya termasuk jenama Volvo, ia akan merancakkan industri automatif negara sekali gus mewujudkan peluang

 ***Proton juga mempunyai peluang untuk menembusi pasaran China."***

- Dr Ahmed Razman

pekerjaan baharu serta industri sampingan.

"Proton juga mempunyai peluang untuk menembusi pasaran China dan ini akan membantu nilai eksport negara pada masa hadapan.

"Kerjasama ini mampu mengubah nasib Proton kerana skala ekonomi mudah dicapai melalui peluang menembusi pasaran China pada masa terdekat," katanya.

Bagaimana pun beliau tidak menolak terdapat risiko yang perlu ditanggung sekiranya Proton tidak mampu memberi pulangan yang sepatutnya kepada syarikat dari China itu.

"Ada kemungkinan Proton boleh ditutup kecuali kerajaan mampu memberi lagi pinjaman jangka masa panjang.

"Jika tidak, kita kehilangan aset negara itu kepada negara luar," katanya.